

Ruj. Tuan : JKKP-HQ-KCK-001-17  
Ruj. Kami : JKKP IS 127/682/1-527(2017)  
Tarikh : 21 FEB 2017

Pengurus Besar  
Kejuruteraan Cheng Kung Sdn Bhd  
Lot 8643, Kampung Bahagia, Jalan Bangi  
43000 Kajang  
Selangor

Tuan,

**PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI SYARIKAT PEMBUAT BEJANA TEKANAN TAK BERAPI**

No. Pendaftaran : BT 21/527  
Tempoh Kelulusan : 22 Februari 2017 hingga 22 Februari 2020

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai **Syarikat Pembuat Bejana Tekanan Tak Berapi** bagi skop berikut :-

- i) PVM 01 - Pembuat Bejana Tekanan Tak Berapi
- ii) PVR 01 - Pemberikpulih Bejana Tekanan Tak Berapi

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-

- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu dengan kadar segera sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat dan pegawai teknikal;
- ii. Sebelum kerja-kerja pembuatan boleh dijalankan, pihak tuan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Jabatan ini;
- iii. Segala prosedur kerja-kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan tak berapi mestilah mengikut seperti yang dinyatakan di dalam '*Quality Control Manual*' yang telah disemak dan diterima oleh Jabatan ini. Sebarang perubahan yang akan dilakukan pada '*Quality Control Manual*' mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan ini;



ISO 9001 CERTIFIED  
Cert No : Q-007714



MS 1722 & OHSAS 18001 CERTIFIED  
Cert No : O-014/09  
Cert No : O-015/09

- iv. Semua kerja kimpalan mestilah dibuat oleh pengimpal yang diluluskan oleh Jabatan atau pihak Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini, mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan. Kerja-kerja kimpalan tersebut hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan yang rapi oleh pegawai kawalan mutu pihak tuan sendiri;
- v. Pihak tuan dikehendaki mengambil perhatian terhadap sistem penyimpanan rekod kerja lengkap setiap pembuatan dan baikpulih yang dijalankan, antaranya:-
  - a. Surat kelulusan daripada Jabatan
  - b. Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan ( WPS );
  - c. Rekod pemeriksaan kawalan mutu;
  - d. Rekod Ujian Kelayakan Pengimpal ( WPQT );
  - e. Rekod Kimpalan Ke atas Bejana Tekanan Tak Berapi (Kej. 175A);
  - f. Rekod Ujian Tanpa Musnah (NDE);
  - g. Rekod Ujian Hidrostatik (JKJ 127);
  - h. Rekod pengurusan keselamatan dan kesihatan
- vi. Pihak tuan hanya dibenarkan menjalankan kerja-kerja pembuatan dan baikpulih bejana tekanan tak berapi di premis berikut :-

Lot 8643, Kampung Bahagia, Jalan Bangi  
43000 Kajang  
Selangor, atau

di tempat bejana tekanan tak berapi tersebut dipasang;

- vii. Pihak tuan mestilah memastikan kakitangan teknikal dihantar menjalani latihan secara berterusan bagi meningkatkan tahap kompetensi mereka;
- viii. Pihak tuan hendaklah memastikan setiap kakitangan diberi pendedahan dan latihan secukupnya berkaitan perundangan dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- ix. Pihak tuan mestilah mematuhi semua kehendak Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dan apa-apa kehendak peraturan yang dikuatkuasakan Jabatan dari semasa ke semasa.

4. Pihak tuan hendaklah memohon pembaharuan pendaftaran dengan Jabatan ini sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat tempoh kelulusan.


5. Perlu diingatkan bahawa kebenaran ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lain Jabatan ini tidak dipenuhi.

6. Sekiranya pihak tuan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menurut perintah,



**(IR. IBRAHIM BIN MD. DOL)**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,  
Malaysia.

s.k :

1. Semua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri
2. Ketua Seksyen Rekabentuk,  
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia